



KENYATAAN MEDIA

FASA 1 MYBAS KUALA TERENGGANU DILAKSANAKAN LEBIH AWAL DARIPADA JANGKAAN

9 MAC 2018, KUALA TERENGGANU - Pelaksanaan sepenuhnya Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu di bawah program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) akan dioperasikan pada 11 Mac 2018, iaitu lebih awal daripada jangkaan sebelum ini (15 Mac 2018).

Laluan-laluan utama baru iaitu T102 dari Kuala Terengganu ke Jeti Merang dan T301 dari Kuala Terengganu ke Marang, bersama-sama laluan T202 (Kuala Terengganu - Bukit Payung) dan F100 (laluan pengantara Kuala Terengganu) yang telah mula beroperasi 1 Mac lalu, akan melengkapkan pelaksanaan Fasa 1 myBAS Kuala Terengganu, dengan jarak terkumpul hampir 100km. Sebelas (11) bas mini berkapasiti 38 penumpang, telah disediakan bagi pelaksanaan Fasa 1 ini.

Perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu yang bermula pada 11 Mac 2018:

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|------|---|--|
| T102 | Kuala Terengganu - Jeti Merang melalui Lapangan Terbang Sultan Mahmud | Waktu operasi: Ahad-Khamis: 6:00 am-7:30 pm Jumaat: 6:00 am - 7:30 pm Sabtu: 7:00 am - 7:00 pm Kekerapan: Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit |
| T301 | Kuala Terengganu - Marang | Waktu operasi: Ahad-Khamis: 6:00 am-7:30 pm Jumaat: 6:00 am - 7:30 pm Sabtu: 7:00 am - 7:00 pm Kekerapan: Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit |

Bagi mendapatkan maklumat terkini yang lebih terperinci mengenai perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu, orang ramai boleh melayari www.maralinergroup.my atau melalui Facebook.com/MARALinerSdnBhd atau Twitter @MaralinerGroup.

-Tamat-



Nota tambahan kepada pengarang:

Perkhidmatan myBAS Kuala Terengganu Fasa 1 yang telah bermula pada 1 Mac 2018:

| BAS | LALUAN | MAKLUMAT OPERASI |
|------|---|--|
| T202 | Kuala Terengganu - Bukit Payung melalui Pasir Panjang | <u>Waktu operasi:</u> Ahad-Khamis: 6:00 am-7:30 pm Jumaat: 6:00 am - 7:30 pm Sabtu: 7:00 am - 7:00 pm <u>Kekerapan:</u> Waktu puncak - 60 minit Bukan puncak- 90 minit |
| F100 | Kuala Terengganu - Pengantara | <u>Waktu operasi:</u> Ahad-Khamis: 6:30 am-7:00 pm Jumaat: 6:30 am - 7:00 pm Sabtu: 7:00 am - 7:00 pm <u>Kekerapan:</u> Waktu puncak - 30 minit Bukan puncak- 30 minit |

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Bahagian Komunikasi
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
Tel : +603 2726 7000/Faks: +607 2726 7300
Emel : communications@spad.gov.my